




INSTITUT JANTUNG NEGARA
National Heart Institute

BUKU PANDUAN PESAKIT



Saya
YAKIN
IJN

KATA ALU-ALUAN

Pesakit yang dihormati,

Selamat datang ke Institut Jantung Negara (IJN). Terima kasih kerana memilih kepakaran kami untuk penjagaan jantung anda. Kami yakin anda akan menerima penjagaan yang terbaik melalui perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan teknologi yang canggih daripada kami.

Sejak penubuhan institusi kami pada tahun 1992, kami telah berkembang menjadi sebuah pusat penjagaan jantung yang terkemuka di rantau Asia Pasifik dan pusat rujukan yang terpilih untuk masalah jantung yang mudah dirawat serta kes yang kompleks di Malaysia.

Buku panduan pesakit ini direka khas untuk membimbing dan membantu anda dan insan tersayang sepanjang penginapan anda di IJN. Ia mengandungi maklumat berguna tentang hak dan tanggungjawab pesakit, keselamatan, proses yang perlu dijalani dan perkhidmatan hospital yang ditawarkan.

Di IJN, kami amat menggalakkan pesakit kami untuk melibatkan diri secara aktif dalam pelan penjagaan kesihatan masing-masing bagi memastikan penjagaan dan rawatan yang paling selamat dan berkualiti tinggi dapat disediakan demi pengalaman yang terbaik. Sila luangkan masa untuk memahami maklumat ini, dan jangan ragu-ragu untuk berunding dengan mana-mana kakitangan kami sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan.

Bagi pihak pakar perubatan, jururawat dan seluruh kakitangan hospital kami, saya mendoakan kesembuhan anda dan semoga anda menikmati pengalaman rawatan dan penginapan yang menyenangkan.

Yang benar,

Datuk Dr Aizai Azan Abdul Rahim
Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Jantung Negara

KANDUNGAN

01 **Visi, Misi & Nilai Teras**

03 **Hak dan Tanggungjawab Anda**

- Sebagai Pelanggan IJN

05 **Lawatan Anda**

Proses Pesakit Luar

- Lawatan Pesakit Luar
- Dokumen Yang Perlu Dibawa
- Kes Baru
- Janji Temu Susulan
- Urusan Kewangan
- Kaji Selidik Pengalaman Pesakit Luar

11 **Kemasukan ke Wad**

- Waktu Operasi Kaunter Kemasukan
- Dokumen Yang Perlu Dibawa
- Kaedah Pembayaran
- Barangan Peribadi & Berharga

16 **Semasa Anda Berada di Hospital**

- Ketibaan Pesakit
- Jenis Katil & Butiran Bilik
- Gelang Pengenalan Diri
- Kemudahan dalam Wad
- Jika Anda Dijadualkan untuk Menjalani Prosedur / Pembedahan

- Penglibatan Diri Dalam Penjagaan
- Maklumat Pemakanan Pesakit
- Petugas Kesihatan
- Garis Panduan Penjaga
- Garis Panduan Pelawat

31 **Kesihatan & Keselamatan Anda**

- Keselamatan Ubat-ubatan
- Pencegahan Infeksi
- Larangan Merokok di Hospital
- Pencegahan daripada Jatuh

37 **Kemudahan Yang Disediakan**

41 **Discaj**

- Proses Discaj
- Senarai Semak sebelum Anda Pulang
- Kaji Selidik Pesakit Dalam

43 **Komen & Cadangan**

44 **Direktori Telefon**

Pesakit-pesakit menaruh harapan kepada kami: Harapan untuk kami merawat mereka; harapan mereka untuk menikmati kualiti hidup yang lebih baik dan harapan untuk kami menyembuhkan penyakit mereka.

Jadi, kami bertanggungjawab untuk mengekalkan harapan ini.

VISI KAMI

Untuk menjadi pusat kecemerlangan global dalam penjagaan bersepadu kardiovaskular dan torasik.

MISI KAMI

Kami berazam untuk menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pesakit dengan rawatan yang paling selamat dan berkualiti.

Kami merupakan entiti korporat yang berazam untuk memberikan pengalaman terbaik kepada pesakit.

Kami bermatlamat untuk memacu transformasi, teknologi dan inovasi melalui latihan, penyelidikan dan pembangunan.

Kami berazam untuk membangunkan dan memperkasa modal insan bagi melonjakkan pertumbuhan organisasi.

Objektif kami adalah untuk terus mampan dari segi kewangan.

NILAI-NILAI TERAS



PROFESIONALISME

Kami ialah anggota profesional yang melaksanakan tugas kami dengan jujur, berintegriti dan bertanggungjawab ke atas tindakan kami.



INOVASI

Kami akan sentiasa menyesuaikan dan berusaha untuk membangun dan menimba ilmu pengetahuan serta mencari penyelesaian yang inovatif.



KUALITI

Kami dengan bersungguh-sungguh memastikan apa yang kami lakukan sentiasa berkualiti.



ILTIZAM

Kami beriltizam untuk memastikan kejayaan IJN dan sumbangannya kepada profesion perubatan dan masyarakat.



KERJA BERPASUKAN

Kami sentiasa mempunyai satu tujuan, bekerja sebagai satu pasukan dengan penuh rasa hormat dan kepercayaan.



PENYAYANG

Kami melayan pelanggan kami dengan menjangka dan memenuhi keperluan mereka.

Kami menggalakkan anda untuk berkomunikasi secara terbuka dengan pasukan penjagaan kesihatan anda, melibatkan diri dalam pelan rawatan anda, dan meningkatkan keselamatan anda dengan memahami dan melibatkan diri secara aktif dalam penjagaan anda. Fikirkan diri anda sebagai rakan kongsi dalam proses penjagaan ini serta tanggungjawab anda semasa anda berada di hospital kami.

Sebagai Pelanggan IJN, Anda Berhak Mendapat:

1. Maklumat yang Terkini dan Lengkap

- Anda akan diberi maklumat perubatan yang lengkap seperti keadaan kesihatan, diagnosis, rawatan dan prognosis.
- Anda akan dimaklumkan mengenai identiti profesional yang merawat anda.
- Anda berhak memohon Laporan Perubatan dengan bayaran yang berpatutan.
- Anda berhak mendapatkan bil terperinci yang menerangkan semua caj hospital.
- Anda permintaan, anda akan diberi nasihat berkenaan dengan perubatan penggalakan, pencegahan, penyembuhan dan pemulihan untuk mengekalkan kesihatan yang baik dan cara hidup yang sihat.

2. Rawatan Perubatan

- Anda akan diberi rawatan perubatan termasuk rawatan kecemasan mengikut amalan semasa bagi rawatan hospital di Malaysia.

3. Pilihan

- Anda berhak menolak rawatan yang dicadangkan dan dibenarkan keluar atas tanggungan sendiri.
- Anda berhak mendapatkan pandangan kedua daripada pakar perubatan luar IJN.
- Anda berhak memohon untuk dirujuk kepada hospital atau pusat perubatan yang lain.
- Anda berhak menolak penyertaan dalam program penyelidikan perubatan.
- Anda berhak untuk mengambil bahagian dalam penjagaan anda seperti yang anda mahukan.

4. Privasi dan Maruah

- Maklumat perubatan dan peribadi anda adalah rahsia.
- Privasi, maruah, agama dan kepercayaan kebudayaan anda akan dihormati.

5. Persekitaran Hospital

- Anda akan dirawat di persekitaran yang selamat, bersih dan selesa.

6. Kemudahan Pertanyaan dan Aduan

- Anda berhak mengutarakan sebarang pertanyaan dan meminta pertolongan daripada kakitangan hospital.
- Anda berhak membuat sebarang aduan melalui saluran dan kaedah yang sesuai.

Sebagai Pelanggan IJN, Anda Bertanggungjawab untuk:

1. Memberikan Maklumat

- Anda perlu memberikan maklumat perubatan, ubat-ubatan dan rawatan terdahulu dengan betul dan tepat.
- Anda perlu memberikan maklumat peribadi anda termasuk insurans dan maklumat kewangan dengan betul dan tepat.

2. Mematuhi Pelan Rawatan

- Anda harus mengikuti nasihat dan arahan perubatan sekiranya anda membuat pilihan untuk menerimanya.
- Anda harus menghadiri semua temu janji tepat pada masanya dan memaklumkan kepada IJN sekiranya tidak dapat menghadiri temu janji yang ditetapkan.

3. Mematuhi Peraturan dan Arahan

- Anda harus sentiasa mematuhi semua peraturan di IJN.
- Anda harus mematuhi peraturan larangan merokok.

4. Membayar Caj Hospital Tepat Pada Masanya

- Anda harus membuat bayaran bil hospital dalam tempoh masa yang ditetapkan.

5. Hormat-menghormati

- Anda dan pelawat anda harus saling menghormati dan bertimbang rasa terhadap orang lain.

Proses Pesakit Luar



Lawatan Pesakit Luar

Klinik pesakit luar IJN mempunyai dua kaedah rujukan:

KLINIK PESAKIT LUAR & PCHC

Hospital Kerajaan / Swasta (Tertakluk pada Pembayaran) daripada Pakar Perubatan Am / Pakar Kardiologi

PRIVATE CLINIC

Dengan atau tanpa surat rujukan

Dokumen yang perlu dibawa

Apabila janji temu pesakit luar telah diatur, pesakit disarankan membawa:



Surat Rujukan Terkini daripada doktor yang merujuk (tidak wajib untuk *Private Clinic*)



MyKad / MyKid & Sijil Kelahiran (jika di bawah 12 tahun) / Pasport (untuk Pesakit Antarabangsa)



Senarai ubat yang sedang diambil (jika ada)



Laporan Keputusan Ujian (jika ada)

Kes Baru: Senarai dokumen yang diperlukan untuk pendaftaran kes baru adalah seperti berikut.


Dokumen Yang Diperlukan	Pesakit Tanggungan Sendiri / Pesakit Antarabangsa	Surat Jaminan Syarikat / Insurans – Hanya dengan Kemudahan Kredit di IJN	Kakitangan Persekutuan / Tanggungan / Ibu Bapa / Pesara	Kerajaan Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan Berkanun / Pesara	Warga Malaysia Yang Kurang Mampu
Surat Rujukan	✗	✗	<p>Terkini daripada Hospital Swasta / Kerajaan oleh Pakar Perubatan Am / Pakar Kardiologi / Pakar Kecemasan (cap & tandatangan)</p> <p>Kriteria Surat Rujukan yang Sah:</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Kepala Surat Rasmi Hospital ✓ Diturunkan kepada Institut Jantung Negara Sdn Bhd ✓ Dirujuk oleh Pakar Kardiologi / Pakar Perubatan (cap & tandatangan) daripada Hospital Kerajaan (rujuk Portal JPA Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 & Bilangan 1 Tahun 2017) tertakluk pada kelulusan KKM (untuk golongan kurang mampu) 	<p>Terkini daripada Hospital Kerajaan oleh Pakar Perubatan Am / Pakar Kardiologi (cap & tandatangan) (tertakluk pada Pembayar)</p>	Sah daripada Hospital Kerajaan
MyKad / MyKid & Sijil Kelahiran (jika di bawah 12 tahun) / Pasport (untuk Pesakit Antarabangsa)	✓	✓	✓ Salinan MyKad pemegang Surat Jaminan / Kad Pesara adalah wajib		✓ *Untuk warga Malaysia sahaja
Surat Jaminan Sah / Kad Pesara / Surat JPA untuk Ibu Bapa Pesara (untuk Pesara Persekutuan) / Surat Pengesahan Pesara / Surat Pengesahan Ibu Bapa Pesara (untuk Agensi Kerajaan *Tertakluk pada pembayar) / Surat Kolej untuk anak berumur 18 tahun ke atas dan di bawah 21 tahun.	✗	<p>Pesakit yang menggunakan Surat Jaminan Syarikat atau Insurans perlu:</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Menyemak dengan pembayar anda tentang perlindungan dan kelayakan perubatan. ✓ Mendapatkan pengesahan daripada IJN sama ada ia SAH untuk digunakan. <p>*Tertakluk pada terma dan syarat syarikat.</p>	✓	✓	✗
Visa Sah	✓ Dengan tempoh sah yang mencukupi (untuk Pesakit Antarabangsa sahaja)		✗	✗	✗
Laporan Keputusan Ujian (jika ada)	✓	✓	✓	✓	✓
Kad OKU dan Borang Laporan Pengesahan Pakar Perubatan Mengenai Anak Kurang Upaya Tanggungan Pesara (Kelulusan daripada Pakar Perubatan dari hospital kerajaan) / Surat Pengesahan daripada Ketua Jabatan	✗	✗	✓ bagi pesakit OKU (anak berusia 21 tahun ke atas) yang menggunakan surat jaminan ibu bapa		✗
Surat Kelulusan Pertama daripada Jabatan	✗	✗	✗	✓	✗
Bil Utiliti	✗	✗	✗	✗	✓

Janji Temu Susulan

Dokumen yang perlu dibawa:



MyKad / MyKid & Sijil Kelahiran (jika di bawah 12 tahun) / **Pasport** (untuk Pesakit Antarabangsa)



Kad Janji Temu



Surat Jaminan / Kad Pesara yang sah

Urusan Kewangan

Juruwang kami menerima bayaran bil hospital dalam bentuk tunai, kad kredit/ debit, draf bank dan e-wallet.

Waktu Operasi Kaunter Pembayaran:

BLOK A, ARAS 6		
	HARI OPERASI	WAKTU OPERASI
Private Clinic	Isnin – Jumaat	7:30 pg – 5:00 ptg
	Sabtu	7:30 pg – 1:00 tgh

BLOK A, ARAS G		
	HARI OPERASI	WAKTU OPERASI
Klinik Pesakit Luar	Isnin – Jumaat	7:00 pg – 5:00 ptg
Farmasi Pesakit Luar	Isnin – Khamis	7:30 pg – 4:00 ptg
	Jumaat	7:30 pg – 1:30 tgh
	Sabtu	8:00 pg – 1:00 tgh

BLOK B, ARAS G		
	HARI OPERASI	WAKTU OPERASI
Farmasi Pesakit Luar	Isnin – Jumaat	7:30 pg – 6:30 ptg
Pejabat Kemasukan Pesakit	Isnin – Jumaat	7:30 pg – 5:00 ptg
	Sabtu	7:30 pg – 2:00 ptg
	Ahad	9:00 pg – 1:00 tgh

Sekiranya anda memerlukan sebarang bantuan yang berkaitan dengan urusan bil, pembayaran dan isu kewangan, kakitangan Perkhidmatan Kewangan Pesakit sedia membantu sepanjang waktu pejabat pada hari **Isnin - Jumaat, 8:00 pg - 5:00 ptg** dan pada hari **Sabtu, 8:00 pg - 2:00 ptg**.

Kaji Selidik Pengalaman Pesakit Luar



Kami berbesar hati untuk mengetahui pengalaman anda sebagai pesakit luar di IJN. Kongsikan pandangan anda melalui maklum balas dalam talian untuk penambahbaikan mutu perkhidmatan kami.

Apabila anda dijadualkan untuk kemasukan ke hospital oleh doktor, anda akan diarahkan ke kaunter kemasukan untuk mendaftar dan berbincang mengenai kewangan.

Waktu Operasi Kaunter Kemasukan

HARI OPERASI	WAKTU OPERASI	
	Blok B, Aras G	Blok A, Aras 6
Isnin – Jumaat	8:00 pg – 5:00 ptg	8:00 pg – 5:00 ptg
Sabtu	9:00 pg – 1:30 tgh	9:00 pg – 1:00 tgh
Ahad	9:00 pg – 2:00 ptg	Tutup
Cuti Umum	9:00 pg – 1:00 tgh	Tutup


i Semua pendaftaran pada hari Ahad dan Cuti Umum di Aras G.

Dokumen Yang Perlu Dibawa

Sila bawa dokumen-dokumen berikut semasa pendaftaran kemasukan ke wad:



MyKad / MyKid & Sijil Kelahiran (jika di bawah 12 tahun) / Pasport (untuk Pesakit Antarabangsa)



Kad Janji Temu



Surat Jaminan yang sah / Kad Pesara / Kad Perubatan

Kaedah Pembayaran

1. Pesakit Tanggungan Sendiri / Surat Jaminan Syarikat / Insurans

- Jika anda membayar sendiri, anda dikehendaki membayar deposit semasa mendaftar masuk hospital.
- Kami menerima bayaran secara:

A Wang Tunai (RM) / E-wallet	F KWSP (Pengeluaran Akaun 2)
B Kad Kredit / Debit	G Cek (Kami menerima bayaran melalui cek dalam tempoh 1 minggu sebelum tarikh kemasukan untuk memastikan cek itu telah dikreditkan ke dalam akaun IJN sebelum kemasukan)
C Draf Bank	H Surat Jaminan Syarikat / Insurans (Daripada syarikat yang mempunyai kemudahan kredit dengan kami berdasarkan perlindungan)
D Pindahan Bertelegraf	
E Pindahan Dana Elektronik	

Jika amaun bil semasa melebihi deposit anda, kami akan mengemukakan bil terkini untuk tindakan selanjutnya. Walau bagaimanapun, jika amaun bil akhir kurang daripada deposit, kami akan membayar balik lebih berdasarkan cara pembayaran. Sila ke kaunter bayaran untuk permohonan bayaran balik lebih wang tersebut.

Bagi surat jaminan syarikat/insurans, kos rawatan yang ditanggung adalah berdasarkan had perlindungan yang ditetapkan dan akan dibayar terus oleh syarikat insurans atau syarikat surat jaminan.

Sila ambil perhatian bahawa syarikat insurans akan memaklumkan kepada anda tentang sebarang bayaran yang tidak ditanggung. Invois yang belum dijelaskan akan dikeluarkan terus kepada anda jika had perlindungan tidak mencukupi atau terdapat lebih kos rawatan.

2. Kakitangan Persekutuan / Tanggungan / Ibu Bapa atau Pesara

Surat Rujukan daripada Hospital Swasta / Hospital Kerajaan oleh Pakar Perubatan Am / Pakar Kardiologi / Pakar Kecemasan (cap dan tandatangan)	✓
Surat Jaminan Sah / Kad Pesara / Surat JPA untuk Ibu Bapa Pesara	✓
Surat Pengesahan Pelajar yang terkini daripada sekolah atau kolej atau universiti (jika umur pesakit di bawah 21 tahun dan menggunakan surat jaminan ibu bapa)	✓
Kad OKU (untuk pesakit OKU yang menggunakan surat jaminan ibu bapa)	✓

3. Kerajaan Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan Berkanun atau Pesara

Surat Rujukan daripada Hospital Kerajaan oleh Pakar Perubatan Am / Pakar Kardiologi / Pakar Kecemasan (cap dan tandatangan)	✓
Surat Jaminan / Kad Pesara yang sah	✓
Surat Pengesahan Pelajar yang terkini daripada sekolah atau kolej atau universiti (jika umur pesakit di bawah 21 tahun dan menggunakan surat jaminan ibu bapa)	✓
Kad OKU (untuk pesakit OKU yang menggunakan surat jaminan ibu bapa)	✓
Surat Kelulusan Terkini untuk prosedur atau pembedahan	✓
Surat Kelulusan Pertama Jabatan (tertakluk pada pembayar)	✓

*Tertakluk pada kelulusan pembayar

4. Warganegara Malaysia yang Kurang Mampu dengan Surat Rujukan yang Sah daripada Hospital Kerajaan

Surat Rujukan yang sah mesti ditujukan kepada Institut Jantung Negara Sdn Bhd	✓
Surat Rujukan daripada Hospital Kerajaan oleh Pakar Kardiologi / Pakar Perubatan (dicap dan ditandatangani) (rujuk Portal JPA Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 & Bilangan 1 Tahun 2017) *Tertakluk pada kelulusan KKM	✓
Slip Gaji Terkini (jika ada) / Surat Pengesahan Pendapatan daripada Pesuruhjaya Sumpah (pesakit dan ahli keluarga)	✓
Penyata Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang terkini (pesakit dan ahli keluarga)	✓
Laporan Sosioekonomi daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat hospital yang merujuk	✓
Bil Utiliti Terkini	✓
Laporan Keputusan Ujian Kesihatan (jika ada)	✓
Dokumen-dokumen yang berkaitan (jika ada)	✓

Barangan Peribadi & Berharga

Anda digalakkan membawa barangan penting sahaja ke hospital seperti:

	Kemeja butang depan / Pijama / Kain Sarung / Pakaian tebal / Sarung Kaki		Selipar tidak licin / Sandal
	Sikat		Berus gigi & Ubat gigi
	Bantal kecil, 1 helai tuala mandi & 2 helai tuala muka (untuk pesakit yang menjalani pembedahan)		Kelengkapan dandanan diri
	Pengecas telefon bimbit		Buku, majalah dan sebagainya untuk mengisi masa lapang semasa di wad

i Senarai barangan ini adalah keperluan asas sepanjang anda berada di dalam wad.

BARANG-BARANG LARANGAN



Senjata api



Rokok



Haiwan Peliharaan



Radio, pengering rambut / peralatan elektrik yang lain



Durian



Buah manggis



Barang kemas



Wang tunai yang banyak

i Pihak hospital **TIDAK** bertanggungjawab atas kehilangan atau kecurian barangan peribadi anda.

i Panduan bagi memastikan keselamatan barangan peribadi anda:

LAKUKAN ✓



Simpan cermin mata dan alat pendengaran dalam bekas penyimpanan apabila anda tidak memakainya.



Simpan gigi palsu dalam cawan gigi palsu.

i Barangan ini hendaklah dilabelkan dengan nama anda dan disimpan dalam laci meja sisi.



Simpan pakaian di dalam almari bilik, laci meja sisi atau di dalam beg pakaian.

✗ JANGAN




Letakkan di atas dulang makanan atau cadar katil.



Balut dengan kertas tisu.

Ketibaan Pesakit



Jenis Katil & Butiran Bilik

Bilik-bilik dilengkapi dengan perabot moden, warna terang dan mempunyai ciri-ciri keselesaan, kemudahan dan keselamatan pesakit.

2 Katil



3 Katil



4 Katil



5 Katil



6 Katil



Imej mungkin berbeza daripada bilik sebenar.

Bilik Umum

Kemudahan Tambahan

- Kit kemasukan wad
- Katil elektronik
- Sistem panggilan jururawat
- Bilik mandi dengan kemudahan air panas
- TV dengan alat kawalan jauh (program pelbagai bahasa)
- Perkhidmatan WiFi percuma
- Mesin basuh dan pengering disediakan di wad (hanya di Blok A)
- Ruang yang selesa disediakan untuk pelawat dan ahli keluarga

Bilik Satu Katil

Kemudahan Tambahan:

- Kit kemasukan wad
- Katil elektronik
- Katil sofa untuk penjaga
- Sistem panggilan jururawat
- Bilik mandi dengan kemudahan air panas
- TV dengan alat kawalan jauh (program pelbagai bahasa)
- Perkhidmatan WiFi percuma

Bilik 'Deluxe'

Kemudahan Tambahan:

- Kit kemasukan wad
- Katil elektronik
- Katil untuk penjaga
- Sistem panggilan jururawat
- Bilik mandi dengan kemudahan air panas
- TV dengan alat kawalan jauh (program pelbagai bahasa)
- Perkhidmatan WiFi percuma
- Peti sejuk mini





Bilik Suite

Kemudahan Tambahan:

- Kit kemasukan wad
- Katil elektronik
- Katil sofa untuk penjaga
- Ruang istirahat yang berasingan untuk keluarga dan pelawat
- Sistem panggilan jururawat
- Bilik mandi dengan kemudahan air panas

- TV dengan alat kawalan jauh (program pelbagai bahasa)
- Perkhidmatan WiFi percuma
- Peti sejuk mini & ketuhar gelombang mikro
- Telefon untuk membuat panggilan dalam hospital, panggilan tempatan (dengan bayaran) dan panggilan jarak jauh (dengan bayaran)



Bilik Suite Mini

Kemudahan Tambahan:

- Kit kemasukan wad
- Katil elektronik
- Katil sofa untuk penjaga
- Ruang istirahat yang berasingan untuk keluarga dan pelawat
- Sistem panggilan jururawat

- Bilik mandi dengan kemudahan air panas
- TV dengan alat kawalan jauh (program pelbagai bahasa)
- Perkhidmatan WiFi percuma
- Peti sejuk mini & ketuhar gelombang mikro



Imej mungkin berbeza daripada bilik sebenar.

Gelang Pengenalan Diri

Pesakit  MRN: _____ DATE: _____

Penjaga  #staysafewithJN **CAREGIVER** MRN: _____ DATE: _____ 

Alahan  **ALLERGY**

Risiko Jatuh  **FALL RISK**

Jangan tanggalkan gelang pengenalan diri sehingga anda discaj dari hospital. Jika gelang pengenalan diri tertanggal, sila maklumkan kepada jururawat untuk penggantian.

Kemudahan Dalam Wad



Sistem Panggilan Jururawat

Ia disambungkan ke Kaunter Jururawat dan terletak di sebelah katil anda. Sila tekan butang panggilan jika anda memerlukan sebarang bantuan. Jururawat akan menunjukkan cara menggunakannya semasa orientasi wad.



Telefon

Dapatkan bantuan daripada jururawat jika anda perlu menggunakan telefon.



Televisyen

Semua suite, bilik satu katil dan bilik dua katil dilengkapi televisyen. Televisyen juga disediakan di Ruang Rehat Wad.



Kemudahan Bilik Mandi

Air panas dan sejuk disediakan di semua bilik mandi. Sila duduk di atas bangku yang disediakan di bilik mandi jika anda tidak boleh berdiri. Untuk keselamatan anda, semua bilik mandi dilengkapi butang panggilan kecemasan.



Peralatan Elektrik

Peralatan elektrik peribadi seperti seterika, televisyen, radio, periuk elektrik dan sebagainya **TIDAK** dibenarkan di dalam bilik/wad.

Jika Anda Dijadualkan untuk Menjalani Prosedur / Pembedahan



Doktor akan menerangkan risiko dan manfaat prosedur atau pembedahan kepada anda. Anda akan diminta menandatangani borang persetujuan. Jika anda tidak berupaya/tidak dapat menandatangani, ahli keluarga terdekat perlu menandatangani bagi pihak anda.



Jika anda perlu menjalani pembedahan injap jantung, anda wajib melakukan pemeriksaan gigi sebelum kemasukan ke wad.



Sila hentikan pengambilan ubat antiplatelet / antikoagulan (ubat pencair darah sebelum pembedahan, mengikut nasihat doktor untuk mengelakkan risiko pendarahan).



Tanggalkan pewarna kuku pada tangan dan kaki (jika ada).

Penglibatan Diri dalam Penjagaan



Bincang pelan rawatan dengan doktor dan jururawat. Pastikan anda memahami dan menyetujui pelan tersebut.



Jika anda mengalami sebarang kesakitan, sila maklumkan kepada jururawat atau doktor.



Ahli keluarga anda akan dimaklumkan tentang perkembangan pembedahan / prosedur melalui paparan skrin di Ruang Menunggu, Aras 1.



Minta bantuan jurubahasa jika perlu.

Maklumat Pemakanan Pesakit

Pemakanan yang baik merupakan komponen penting semasa proses pemulihan. Menu hospital telah dirumus khas dan menawarkan pemakanan yang seimbang untuk semua pesakit.

Semua makanan yang dihidangkan kepada pesakit di IJN disahkan HALAL dan mematuhi syarat keselamatan.

i Kami juga menawarkan hidangan à la carte (pesanan terakhir untuk makan tengah hari pada 11:00 pagi dan makan malam pada 4:00 petang). Hidangan ini dikenakan bayaran dan tidak ditanggung oleh pembayar pesakit, kerajaan dan syarikat insurans.

i Sila rujuk kepada **Juruteknik Dietetik** yang mengedarkan menu harian, jururawat bertugas atau hubungi talian **sambungan 8248 atau 3148** untuk membuat pesanan.

1. Waktu Hidangan & Kutipan

HIDANGAN	WAKTU HIDANGAN	MASA KUTIPAN DULANG
Sarapan	7:30 pg - 8:30 pg	8:45 pg - 9:00 pg
Tengah Hari	12:30 tgh - 1:30 ptg	1:45 ptg - 2:00 ptg
Minum Petang	3:00 ptg - 4:00 ptg	Tiada
Makan Malam	6:00 ptg - 7:00 mlm	7:15 mlm - 7:30 mlm
Makan Lewat Malam	9:00 mlm - 10:00 mlm	Tiada


Pesakit akan dihidangkan menu standard pada hari kemasukan dan juga pada hari berikutnya. Semua dulang makanan tidak dibenarkan untuk disimpan melebihi masa yang dinyatakan di atas. Ini adalah untuk mematuhi piawaian keselamatan makanan.

i Jika anda terlepas waktu makan kerana menjalani prosedur, snek ringan akan disediakan.

2. Makanan dan Minuman dari Luar

Sebarang makanan dan minuman yang dibawa masuk untuk pesakit mestilah sesuai dengan keadaan kesihatan pesakit dan selamat untuk dimakan. Sila rujuk kepada jururawat jika anda tidak pasti tentang kesesuaian makanan yang dibawa.

Ini penting untuk membantu kami mencegah atau mengurangkan risiko jangkitan, keracunan makanan dan tindak balas yang tidak diinginkan dengan ubat yang diambil. **Sebarang makanan** yang dibawa masuk ke hospital **TIDAK boleh diberikan kepada pesakit lain**. IJN tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kesan sampingan yang disebabkan oleh makanan yang dibawa masuk ke hospital oleh pesakit, pelawat atau saudara mara. Risiko pengambilan makanan luar ditanggung oleh pesakit sendiri.



Daging khinzir dan alkohol adalah **DILARANG** sama sekali.

3. Garis Panduan Keselamatan Penyimpanan Makanan

Setiap wad dilengkapi peti sejuk di pantri pesakit untuk menyimpan makanan. Ini adalah untuk memastikan makanan dan produk pemakanan disimpan dalam keadaan yang bersih dan suhu yang betul bagi mengekalkan keselamatan dan kestabilan makanan.

Berikut ialah garis panduan mudah yang perlu dipatuhi:



Makanan mesti disimpan di dalam bekas bertutup, dilabel dengan nama pesakit, tarikh dan masa serta diserahkan kepada kakitangan wad.



Makanan yang telah dimasak dan sebarang suplemen sedia minum yang telah dibuka mesti dilabel serta disimpan dalam beg berzip dan tidak boleh disimpan di dalam peti sejuk melebihi 24 jam.



Makanan yang disediakan secara komersial dan belum dibuka boleh disimpan sehingga tarikh luput.



Makanan yang disediakan secara komersial (seperti jus dan yogurt) hendaklah dibuang dalam tempoh 24 jam setelah dibuka.

4. Panduan Kesihatan dan Keselamatan Makanan Luar:



Berwaspada Dengan Makanan Berlemak

Terlalu banyak lemak dalam diet, terutamanya lemak tepu, boleh meningkatkan tahap kolesterol dan meningkatkan risiko penyakit jantung.



Hidup Lebih Manis Dengan Kurang Gula

Pengambilan gula yang berlebihan boleh meningkatkan berat badan dan tahap gula dalam darah untuk individu yang menghidap diabetes atau pradiabetes.



Kurangkan Pengambilan Garam

Pengambilan garam yang tinggi boleh meningkatkan kadar tekanan darah, risiko penyakit jantung dan strok.



Kebersihan & Keselamatan Makanan

Pastikan makanan yang dibeli adalah bersih dan selamat untuk dimakan.



Pengambilan Cecair Yang Seimbang

Elakkan pengambilan cecair secara berlebihan melalui minuman, sup dan buah-buahan jika dinasihatkan oleh doktor anda.



Awasi Alahan Makanan

Berhati-hati dengan makanan yang mengandungi alergen jika anda mempunyai alahan makanan.

Petugas Kesihatan

Petugas kesihatan kami memiliki kepakaran dalam pelbagai bidang. Berikut adalah peranan dan kepakaran mereka.



Konsultan/Doktor

Doktor yang merawat anda.



Jururawat

Pengurus Jururawat/Penolong Pengurus Jururawat ialah individu yang menguruskan wad dan dibantu oleh sepasukan jururawat yang berkelayakan. Jururawat akan menjaga dan merawat anda mengikut pelan rawatan yang ditetapkan.



Ahli Fisioterapi

Pasukan fisioterapi kami akan membantu anda untuk mencapai fungsi fizikal yang maksimum melalui pemulihan jantung dan paru-paru. Mereka akan menyediakan garis panduan senaman di rumah dan cara melakukan aktiviti harian dengan selamat.



Pakar Pemakanan

Pakar Pemakanan kami menyediakan khidmat kaunseling berkaitan nutrisi pemakanan yang bersesuaian dengan tahap kesihatan anda.



Ahli Farmasi

Ahli farmasi membantu untuk memastikan penggunaan ubat-ubatan yang sesuai dan selamat untuk mencapai hasil rawatan yang terbaik.



Kaunselor

Unit Kaunseling Pesakit menyediakan sokongan kerohanian, psikologi, emosi dan perkhidmatan lain untuk anda dan ahli keluarga.



Wakil Khidmat Pelanggan

Kakitangan Khidmat Pelanggan kami sedia membantu jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau kemusykilan.

Sila hubungi wakil khidmat pelanggan kami di
+603-2600 6300 / 6301
Isnin - Sabtu: 7:30 pg - 8:00 mlm
Ahad: 9:00 pg - 8:00 mlm



International Patient Centre (IPC)

IPC menyelaras semua rawatan dan keperluan perubatan pesakit antarabangsa. Perkhidmatan yang disediakan:

- (i) Jurubahasa
- (ii) Tempahan Hotel
- (iii) Pengangkutan
- (iv) Permohonan Visa Lanjutan

International Patient Centre (IPC) boleh dihubungi melalui:

Telefon: +603-2600 6336 / 6337
Faks: +603-2691 7278
E-mel: international@ijn.com.my



Kakitangan IPC kami ditempatkan di Tingkat 6, Private Clinic IJN.

Garis Panduan Penjaga

Terbuka kepada semua pesakit kecuali di wad COVID-19/PUS.

KRITERIA PESAKIT DI WAD COVID-19/PUS YANG DIBENARKAN UNTUK MEMPUNYAI PENJAGA

Pesakit kurang upaya mental / keliru / disorientasi

Pesakit yang terlantar di katil / kurang upaya / tidak perlu resusitasi (DNR)

Pesakit demensia berdasarkan *Initial Nursing Assessment (INA)*

Pesakit yang berisiko tinggi jatuh berdasarkan skor *Initial Nursing Assessment (INA)*



Pesakit kurang upaya fizikal seperti buta, kurang pendengaran dan menggunakan anggota palsu

Pesakit yang menjalani CAPD (Dialisis Peritoneum Ambulatori Berterusan)

Pesakit dengan kecenderungan membunuh diri berdasarkan *Initial Nursing Assessment (INA)*

KRITERIA PENJAGA



18 tahun ke atas



Cergas & sihat

KAUNTER KEMASUKAN WAD

Kaunter Kemasukan Wad:

- Isnin - Jumaat:
8:00 pg - 5:00 ptg
- Sabtu, Ahad & Cuti Umum:
9:00 pg - 1:00 ptg

OPERASI STANDARD PENJAGA



- Pakai pelitup muka sepanjang masa
- Hanya seorang penjaga dibenarkan



- Lakukan ujian **RTK Ag sendiri dalam tempoh 24 jam**
- *Tarikh dan masa ujian hendaklah ditunjukkan bersama gambar sebagai bukti.

Garis panduan penjaga akan disemak mengikut keperluan semasa.

Garis Panduan Pelawat

Pelawat diminta memahami dan mematuhi perkara-perkara berikut:

WAD DEWASA



- Isnin - Jumaat:
12:00 tgh - 2:00 ptg
5:00 ptg - 7:00 mlm
- Sabtu, Ahad & Cuti Umum:
12:00 tgh - 7:00 mlm

UNIT PENJAGAAN KRITIKAL DEWASA



- Waktu Melawat:
12:00 tgh - 1:00 ptg
6:00 ptg - 7:00 mlm
- 2 pelawat pada satu masa

WAD PEDIATRIK



- Isnin - Jumaat:
12:00 tgh - 2:00 ptg
5:00 ptg - 7:00 mlm
- Sabtu, Ahad & Cuti Umum:
12:00 tgh - 7:00 mlm

WAD PENJAGAAN KRITIKAL PEDIATRIK



- Waktu Melawat:
12:00 tgh - 1:00 ptg
6:00 ptg - 7:00 mlm
- 2 pelawat pada satu masa

OPERASI STANDARD PELAWAT



Kanak-kanak dibenarkan melawat wad seperti ketetapan berikut:

- Isnin - Jumaat:
5:00ptg - 7:00mlm
- Sabtu, Ahad & Cuti Umum:
12:00tgh - 7:00mlm



Pakai pelitup muka



Mencuci tangan dengan kerap

Garis panduan penjaga akan disemak mengikut keperluan semasa.

Kami amat komited terhadap penjagaan kesihatan dan keselamatan pesakit. Penglibatan pesakit sepanjang proses rawatan akan memberi keselesaan kepada pesakit.

Keselamatan Ubat-ubatan

1. Semasa berada di hospital, adalah penting untuk anda dan doktor berbincang tentang ubat-ubatan. Sebelum kemasukan wad, maklumkan kepada doktor, jururawat atau ahli farmasi tentang sebarang ubat yang di ambil dan bawa senarai ubat anda. Sebagai contoh:
 - ✓ Ubat preskripsi termasuk ubat titis mata/telinga, alat sedut dan sebagainya.
 - ✓ Ubat belian kaunter (seperti aspirin dan ubat batuk)
 - ✓ Vitamin
 - ✓ Produk herba
 - ✓ Produk makanan kesihatan
2. Maklumkan kepada doktor dan jururawat anda jika anda mempunyai sebarang alahan terhadap makanan atau ubat-ubatan atau pernah mengalami kesan sampingan terhadap sebarang ubat, makanan atau produk lateks.
3. Tanya jururawat tentang ubat-ubatan anda — jenis ubat, rupa, fungsi, masa ia diberikan kepada anda atau kesan sampingan yang mungkin berlaku. Lihat semua ubat sebelum anda mengambilnya. Jika anda tidak mengenali ubat-ubatan tersebut, sila rujuk penyedia penjagaan kesihatan anda.

i Ketahui ubat yang diambil dan sebab anda mengambilnya. Semasa anda berada di hospital, ubat yang diberikan kepada anda mungkin berubah. Mempelajari tentang ubat baru yang telah dipreskripsikan oleh doktor amat penting.

Pencegahan Infeksi

Mencuci tangan dengan efektif dapat mencegah penyebaran kuman. Anda boleh membersihkan tangan dengan menggunakan air dan sabun atau cecair sanitasi.

Kami menyediakan kemudahan mencuci tangan untuk kegunaan kakitangan, pesakit, penjaga dan pelawat.

1. Enam langkah teknik pembersihan tangan yang efektif

- 1**  Gosok kedua telapak tangan.
Gosok kedua telapak tangan.
- 2**  Gosok telapak tangan sebelah kanan ke bahagian atas tangan sebelah kiri dengan jari-jemari berselang seli dan sebaliknya.
Gosok telapak tangan sebelah kanan ke bahagian atas tangan sebelah kiri dengan jari-jemari berselang seli dan sebaliknya.
- 3**  Gosok kedua-dua telapak tangan dengan jari-jemari berselang seli.
Gosok kedua-dua telapak tangan dengan jari-jemari berselang seli.
- 4**  Gosok belakang jari-jemari dengan mencengkam jari-jemari kedua-dua belah secara bertentangan.
Gosok belakang jari-jemari dengan mencengkam jari-jemari kedua-dua belah secara bertentangan.
- 5**  Genggam ibu jari kanan dengan tangan kiri dan gosok secara berputar dan ulang dengan tangan sebelah.
Genggam ibu jari kanan dengan tangan kiri dan gosok secara berputar dan ulang dengan tangan sebelah.
- 6**  Rapatkan jari-jemari tangan kanan dan gosokkan ke telapak tangan sebelah kiri secara berputar, ke belakang dan kedepan dan ulang dengan tangan sebelah.
Rapatkan jari-jemari tangan kanan dan gosokkan ke telapak tangan sebelah kiri secara berputar, ke belakang dan kedepan dan ulang dengan tangan sebelah.

Larangan Merokok di Hospital



**MENGHISAP ROKOK
DAN E-ROKOK
ADALAH DILARANG
DI HOSPITAL**

Kami komited untuk menyediakan persekitaran yang sihat dan selamat untuk pesakit, pelawat dan kakitangan kami. Merokok dan e-rokok adalah dilarang sama sekali tanpa sebarang pengecualian.

ADAKAH ANDA INGIN BERHENTI MEROKOK TETAPI SUKAR UNTUK MELAWAN KETAGIHAN INI?

Dapatkan bantuan daripada Klinik Berhenti Merokok

Waktu Operasi Klinik Berhenti Merokok

HARI OPERASI	WAKTU OPERASI
Isnin - Jumaat	8:00 pg – 4:00 ptg
Hujung Minggu & Cuti Umum	Tutup

Untuk janji temu, sila hubungi **+603-2617 8386**.

i Terdapat kira-kira 7,000 jenis bahan kimia dalam sebatang rokok. 200 daripada bahan-bahan ini beracun. Nikotin dalam rokok menyebabkan ketagihan dan membuatkan anda terus merokok walaupun anda mahu menghentikan tabiat ini.

Pencegahan daripada Jatuh

Di hospital, pesakit menghadapi risiko yang lebih tinggi untuk jatuh. Penyakit, pembedahan dan ubat-ubatan boleh menyebabkan anda berasa lemah atau menjejaskan keseimbangan badan. Di samping itu, peralatan dan persekitaran yang luar daripada kebiasaan boleh menyukarkan pergerakan anda.

1. Mengapakah jatuh berbahaya?

Jatuh boleh menyebabkan kecederaan serius seperti luka, patah tulang atau kecederaan kepala.

2. Apakah punca yang boleh meningkatkan risiko terjatuh?

- ✓ Penggunaan ubat-ubatan seperti sedatif atau antidepresan
- ✓ Orang tua yang uzur
- ✓ Penglihatan yang lemah
- ✓ Bahagian bawah badan yang lemah
- ✓ Kesukaran berjalan dan mengekalkan keseimbangan badan
- ✓ Mempunyai sejarah jatuh (terkini)

3. Implikasi dari Jatuh


Kemungkinan berikut boleh berlaku:

A

Tempoh rawatan lebih lama

B

Kos rawatan meningkat



4. Langkah Pencegahan Jatuh

PERLU ✓



JANGAN ✗

Panggil untuk bantuan jika anda berisiko jatuh



Jangan ke tandas bersendirian jika anda berisiko untuk jatuh

Pakai **kasut** yang mempunyai cengkaman



Jangan memakai kasut bertapak licin

Lapor sebarang tumpahan / halangan di laluan kepada kakitangan



Jangan gunakan laluan yang terdapat tumpahan air / halangan

Bangun secara perlahan:

1. Duduk tegak
2. Bergerak ke sisi katil
3. Berdiri



- Jangan bangun secara terburu-buru
- Jangan bangun dari katil jika anda berasa kurang sihat

Gunakan **alat bantuan** pergerakan yang disarankan



Jangan berjalan tanpa alat sokongan

Jika anda terjatuh, **bertenang** dan minta bantuan



Jangan rahsiakan dari kakitangan jika anda jatuh



5. Apakah yang anda harus lakukan jika terjatuh?



JANGAN PANIK



JANGAN BANGUN serta-merta



KURANGKAN / HADKAN pergerakan badan



JERIT untuk dapatkan bantuan / perhatian



TUNGGU untuk bantuan

JATUH BOLEH DICEGAH
Izinkan kami memastikan anda **SELAMAT** sepanjang tempoh kami menjaga **JANTUNG** anda.



1) Tempat letak kereta

Ruang parkir yang mencukupi disediakan.

- Ruang parkir bertingkat di Blok C.
- Parkir terbuka di sebelah Jabatan Kecemasan dibuka 24 jam sehari, 7 hari seminggu.
- Perkhidmatan parkir valet juga disediakan di Lobi Utama.

Sila kunci kenderaan anda dan ambil semua langkah keselamatan. Pastikan anda mempunyai baki kad Touch 'n Go yang mencukupi sebelum kembali ke kenderaan anda.



2) Kerusi roda

Kerusi roda boleh didapati di kaunter informasi. Pesakit berkerusi roda dinasihatkan untuk menggunakan pintu masuk khas di kawasan menurunkan penumpang yang terletak berhampiran farmasi Blok A.

Bagi pesakit yang menggunakan kerusi roda sendiri, sila letak kenderaan anda di Petak OKU, Aras G Blok C untuk memudahkan akses ke Lobi Utama kami.



3) Loker

Loker untuk kegunaan harian boleh disewa. Maklumat boleh didapati daripada kakitangan khidmat pelanggan kami.



4) Perkhidmatan 'Buggy'

Perkhidmatan khas ini disediakan untuk pesakit yang mengalami kesukaran berjalan jauh.



5) Dobi

Dobi layan diri boleh didapati di Aras LG, Blok B. Mesin basuh dan pengering menerima token sahaja. Token boleh ditukar di mesin pertukaran token yang disediakan.



6) Surau

Surau untuk pesakit dan pelawat beragama Islam dilengkapi kemudahan berwuduk dan disediakan di beberapa aras di Blok A dan Blok B. Surau Jumaat terletak di Aras Tujuh Blok C.



7) Premis Makanan

Waktu operasi:

Kafetaria : 7:00 pg - 7:00 mlm setiap hari

Outlet Makanan : 8:00 pg - 7:00 mlm setiap hari




8) Mesin Layan Diri

Perkhidmatan mesin layan diri untuk minuman dan makanan ringan disediakan di beberapa lokasi.



9) 'Auto Teller Machine' (ATM)

Aras G, Blok A –  & 

Aras G, Blok B –  **CIMBANK**



10) Kedai Serbaneka

Kedai serbaneka ini terletak di Aras LG Blok B dan Aras G Blok A.



11) Bilik Bagasi

Bilik bagasi disediakan di wad. Jangan simpan makanan, minuman dan barang berharga di dalam bilik. Sebarang kehilangan atau kerosakan harta benda adalah atas tanggungan sendiri.



12) 'Quiet Room'

'Quiet Room' bagi penganut bukan Islam terletak di Aras Satu, Blok B, bersebelahan dengan wad Kardiologi HDU.



13) Farmasi

(a) IJN First Pharmacy

Menyediakan pelbagai perkhidmatan dan produk, termasuk:

- Menjual ubat preskripsi
- Menawarkan nasihat mengenai rawatan penyakit ringan serta membekalkan ubat-ubatan belian di kaunter
- Peranti diagnostik dan barang pakai buang
- Suplemen dan produk pemakanan
- Kelengkapan dandanan diri dan produk penjagaan kulit
- Pembalut dan produk penjagaan luka

(b) Farmasi Pesakit Luar

Terletak di Blok A dan Blok B:

- Dibuka setiap hari dari **Isnin hingga Jumaat, 7:30 pg - 6:00 ptg**
- Membekalkan ubat-ubatan dan menawarkan khidmat nasihat ubat kepada pesakit luar

Kami menawarkan perkhidmatan di bawah untuk pengisian semula ubat:



Penghantaran Ubat Ke Rumah

Perkhidmatan ini menghantar ubat ke kediaman anda. Anda tidak perlu risau tentang pengangkutan atau kesesakan di hospital (tertakluk pada terma dan syarat).



Perkhidmatan Pandu Lalu

Perkhidmatan ini disediakan bagi ubat-ubatan yang tidak sesuai untuk dikirim melalui pos (Contohnya, ubat rangkaian sejuk dan alat sedut) untuk membolehkan anda mengambilnya di IJN tanpa meninggalkan kereta atau bersesak-sesak di Farmasi.



MEDiLoC (Loker Ambil Ubat)

Perkhidmatan loker yang membolehkan anda mengambil ubat anda sepanjang hari.



Kaunter Farmasi

Sila semak waktu untuk mengambil bekalan ubat.

(c) Kaunseling Ubat / Peranti

Kami membantu pesakit menjaga kesihatan masing-masing melalui kaunseling terperinci tentang ubat-ubatan dan peranti ubat tertentu.


(d) Klinik Kegagalan Jantung dan Antikoagulasi

Klinik multidisiplin ini dikendalikan oleh ahli farmasi, pakar perubatan dan jururawat untuk menyediakan penjagaan komprehensif kepada pesakit yang mengalami kegagalan jantung atau terapi warfarin bagi meningkatkan keberkesanan dan meminimumkan risiko pesakit. Perkhidmatan klinik ini merangkumi penilaian pesakit, pemantauan parameter makmal, pelarasan dos ubat, pendidikan pesakit dan maklum balas kepada pakar perubatan yang merujuk.



14) Perkhidmatan WiFi

Semua kawasan dalam hospital menawarkan akses **WiFi PERCUMA**. Pelawat dengan peranti mudah alih boleh melayari internet melalui heartspot@guest.ijn



15) Dormitori

Dormitori terletak di Aras 2 Blok C. Penginapan pada harga yang berpatutan dan selesa disediakan untuk ahli keluarga dan penjaga pesakit wad Penjagaan Kritikal dengan keutamaan diberikan kepada ahli keluarga pesakit di CCU / ICU / PICU / PCICU / HDU dan Jabatan Kecemasan. Tertakluk pada terma dan syarat.

Borang permohonan untuk mereka yang layak memohon boleh didapati di wad Penjagaan Kritikal masing-masing. Borang yang lengkap mesti diserahkan di kaunter dormitori. Penginapan adalah tertakluk pada kekosongan.

Proses Discaj



Anda akan dimaklumkan sekurang-kurangnya sehari sebelum discaj, 3 hari selepas prosedur intervensi atau 5-7 hari selepas pembedahan tertakluk pada keadaan anda.

Senarai Semak sebelum Anda Pulang

- Periksa loker dan almari pakaian anda untuk memastikan tiada barang yang tertinggal (pakaian, kelengkapan dandanan diri, cermin mata dan sebagainya).
- Fahami arahan penjagaan berterusan anda.
- Anda boleh memohon sijil cuti sakit atau laporan perubatan daripada kakitangan wad (jika perlu).
- Pastikan anda menerima 'discharge summary' daripada jururawat wad.
- Semak sebarang lawatan susulan yang mungkin anda perlukan.
- Pastikan anda mengambil ubat-ubatan yang telah dipreskripsikan.

Jika anda memerlukan sebarang bantuan pengangkutan, sila hubungi **Kaunter Khidmat Pelanggan** kami atau memaklumkan kepada jururawat anda.

Kaji Selidik Pesakit Dalam



Kami berbesar hati untuk mengetahui pengalaman anda sebagai pesakit dalam di IJN. Kongsi pengalaman anda melalui maklum balas dalam talian untuk penambahbaikan mutu perkhidmatan kami.



Pelanggan yang dihormati,

Sebagaimana kami komited untuk memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik, kami juga teruja untuk mengetahui pandangan anda mengenai perkhidmatan dan hospitaliti kami. Maklum balas anda amat dialu-alukan untuk penambahbaikan mutu perkhidmatan sedia ada kami



Imbas kod QR ini untuk maklum balas anda atau layari:

heart2heart.ijn.com.my



Setiap maklum balas akan diterima melalui akses secara dalam talian sahaja bagi memastikan pengendalian yang teratur dan berkesan.

Kecemasan	+603-2617 8407 / 8408
Talian Am Hospital	+603-2617 8200
<i>Customer Experience Department</i>	+603-2617 8844
Kaunter Informasi Khidmat Pelanggan	+603-2600 6300 / 6301
<i>International Patient Centre</i>	+603-2600 6336 / 6337
Pusat Pesakit Korporat (untuk Surat Jaminan & Insurans)	+603-2617 8200 / 3653 / 3654
Perkhidmatan Pesakit Luar	+603-2600 6355 / +603-2617 8627
Pejabat Kemasukan Wad Private Clinic	+603-2600 6323 / 6324
Pejabat Kemasukan Wad Blok B	+603-2600 6326 / 6396 / 6397 / 6399
Bil Pesakit Luar	+603-2600 6496 / +603-2617 8454 / 8431 / 8437
Bil Pesakit Dalam	+603-2617 8418 / 8424 / 8432 / 8356
Faks	+603-2691 7278
Jabatan Farmasi Blok A	+603-2617 8200 / 3611 / 3613
Blok B	+603-2617 8200 / 3312 / 3315
Klinik Kaunseling Diet	+603-2600 6596 / 6942
Klinik Berhenti Merokok	+603-2617 8386
Klinik Gaya Hidup Diabetes	+603-2617 8396
Klinik INR	+603-2617 8483
Klinik PCHC	+603-2617 8994 / 8995
Jabatan Fisioterapi	+603-2617 8339
Perkhidmatan Pengurusan Informasi Hospital (Rekod Perubatan)	+603-2617 8217 / 8219
<i>Lost & Found</i> (Pejabat Keselamatan)	+603-2617 8258 (CCTV) +603-2600 6300
Kaunselor Pesakit	+603-2617 8585
Jabatan Pemasaran	+603-2600 6314
<i>Wellness Centre</i>	+603-2600 6421 / 6423
Yayasan IJN	+603-2617 8312
Dormitori	+603-2600 6738
Yayasan Jantung Malaysia	+603-2693 4709



Untuk pertanyaan am:

+603 2617 8200

Untuk janji temu:

+603 2617 8844

ced@ijn.com.my

@IJN.Malaysia/
 INSTITUT JANTUNG NEGARA -
 The National Heart Institute of Malaysia

@ijnmalaysiaofficial

145, Jalan Tun Razak,
 50400 Kuala Lumpur, Malaysia.

Ikuti kami:



IMBAS SAYA



Pusat Jantung Bertauliah Antarabangsa